



Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang/Sub-Bidang/Pecahan yang berkaitan untuk menyertai tender berikut:

KOD TENDER	BUTIRAN TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH JUALAN DOKUMEN TENDER, TAKLIMAT TENDER DAN TARIKH TUTUP TENDER
SH/FK/KGPA/ JUN-03/2025	Tender Perkhidmatan Mencuci & Membersih Bangunan Serta Kawasan Sekitar Di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA) Harga Dokumen: RM100.00	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang: 22 Sub-Bidang: 10 Pecahan: 01 & 02	<u>Tarikh Jualan Dokumen Tender:</u> 25hb Jun 2025 (Rabu) hingga 02hb Julai 2025 (Rabu) <u>Tarikh Taklimat Tender:</u> 25hb Jun 2025 (Rabu) jam 11.00 pagi (Bilik Kiara) <u>Tarikh Tutup Tender:</u> 23hb Julai 2025 (Rabu) Jam 12.00 tengahari

- Perkhidmatan mencuci & membersih bangunan yang ditawarkan adalah untuk tempoh lima (5) tahun, berkuatkuasa mulai dari tarikh yang akan dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.
- Syarikat yang ingin menyertai tender ini diwajibkan menghadiri Sesi Taklimat Tender yang akan diadakan pada 25hb Jun 2025 jam 11.00 pagi bertempat di Bilik Kiara.
- Hanya Ahli Lembaga Pengarah Syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa dibenarkan untuk hadir Sesi Taklimat Dan Lawatan Tapak yang ditetapkan.
- Tawaran yang diterima daripada syarikat yang tidak menghadiri Sesi Taklimat Tender tidak akan dipertimbangkan.

6. Pembelian Dokumen Tender hendaklah dibuat secara atas talian (online) bermula dari 25hb Jun 2025 sehingga 02hb Julai 2025 jam 12.00 tengah hari dengan bayaran sebanyak **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)**. Permohonan pembelian Dokumen Tender ini hendaklah dikemukakan melalui emel kepada acct@kgpagolf.com dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia berserta salinan slip pembayaran yang ditetapkan. Hanya syarikat yang telah menghadiri Taklimat Tender dibenarkan untuk membeli dokumen tender. Bayaran hendaklah dibuat secara atas talian sahaja ke akaun berikut:

KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Bank: **MAYBANK**

No. Akaun: **564155552401**

Swift Code: **MBBEMYKL**

7. Dokumen Tender akan diemelkan kepada syarikat dalam format PDF selepas pengesahan bayaran diterima. Setiap Dokumen Tender mempunyai satu nombor siri dan setiap syarikat hanya dibenarkan membeli satu set Dokumen Tender sahaja.
8. Contoh Dokumen Tender dan maklumat tender ini boleh diperolehi dalam website KGPA <https://kgpagolf.com/tenderpembersihan>
9. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis **Kod Tender** dan **Tajuk Tender** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar atau perkhidmatan kourier kepada Jabatan Pentadbiran & Kewangan, Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA), Bukit Kiara Off Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **25hb Julai 2025**. Sebarang tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
10. KGPA tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran. KGPA juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat berhubung urusan tender ini. Bayaran dokumen tender tidak akan dipulangkan selepas pembelian tender dilakukan.

KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM

Bertarikh: 10 Jun 2025